



اگنيسي فلابورن بروني
BRUNEI INVESTMENT AGENCY

SIARAN AKHBAR

Agensi Pelaburan Brunei (BIA) telah menerima makluman mengenai laman sesawang TUBINVEST (<http://www.tubinvest.com/>) yang menawarkan peluang pelaburan menggunakan nama BIA.

BIA menyarankan bahawa maklumat mengenai hubungan agensi ini dengan syarikat dan individu yang dinyatakan dalam laman sesawang tersebut adalah palsu dan tidak benar. BIA tidak terlibat dan tidak mempunyai sebarang kaitan atau usahasama dengan MGKfin, TUBINVEST atau mana-mana individu yang dinyatakan itu. BIA tidak pernah mempunyai sebarang hubungkait mahupun membenarkan sebarang skim pelaburan yang dinyatakan dalam laman sesawang tersebut.

BIA adalah sebuah badan berkanun yang mempunyai tujuan utama untuk menguruskan Dana Simpanan Am bagi Negara Brunei Darussalam. BIA tidak pernah mengeluarkan sebarang produk atau skim pelaburan bagi orang awam dan juga tidak menerima sebarang dana atau pelaburan dari orang awam di Negara Brunei Darussalam mahupun mana-mana negara luar bagi tujuan tersebut.

15 Zulkaedah 1442

26 June 2021